

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING
(KULAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.11.2015

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pencapaian *Government Procurement Regime* yang diisu oleh Kementerian Kewangan pada November 2010, samada kesemua kontrak yang bernilai RM500,000 ke atas telah diberi secara tender.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Adalah menjadi dasar Kerajaan agar semua perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang bernilai melebihi RM500,000 dalam sesuatu

tahun kewangan atau dalam sesuatu kontrak dipelawa secara tender selaras dengan prinsip akauntabiliti awam, telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Perolehan secara tender boleh dilaksanakan secara tender terbuka (tender terbuka pembuat, tender terbuka Bumiputera dan tender terbuka antarabangsa), tender pra kelayakan dan tender terhad.

Bagi perolehan secara tender terhad/tender pra-kelayakan, elemen persaingan masih dikekalkan di mana petender akan dinilai berdasarkan kriteria seperti keupayaan syarikat, prestasi/trek rekod, kedudukan kewangan, beban kerja semasa syarikat bagi memastikan syarikat yang disenarai pendek mempunyai kepakaran dan pengalaman yang bersesuaian dengan skop projek.

Dalam keadaan tertentu, perolehan selain daripada kaedah tender terbuka (rundingan terus) tetapi memenuhi kriteria khusus seperti keperluan mendesak, bagi maksud penyeragaman, satu punca bekalan/perkhidmatan (pembuat/pembekal tunggal), melibatkan

keselamatan dan strategik dan kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan khas Kementerian Kewangan. Maklumat perolehan Kerajaan yang dilaksanakan secara rundingan terus boleh diakses oleh orang awam menerusi Portal MyPROCUREMENT seperti berikut: <http://myprocurement.treasury.gov.my>.